

KATA PEMERI

Ialah

1. Menghubungkan subjek dan predikat. Boleh diletakkan antara subjek dengan predikat berpola Frasa Nama + Frasa Nama.
2. Kedua-dua subjek dan predikat mempunyai makna yang sama. Oleh itu subjek dan predikat boleh bertukar tempat.

Contoh1 : Angin ialah udara

Udara ialah angin

Contoh 2 : Singapura adalah jiran Malaysia.(salah)

Singapura ialah jiran Malaysia. (betul)

Adalah

1. Digunakan untuk menghubungkan antara subjek dengan predikat yang berpola Frasa Nama + Frasa Adjektif atau Frasa Nama + Frasa Sendi.
2. Kata Pemeiri 'adalah' memberi huraian lanjut subjek yang disebut sebelumnya.

Contoh : Perkara ini adalah sangat penting.

Surat ini adalah daripada Pejabat Daerah Batu Pahat.

KATA NAFI

1. Ada dua bentuk kata nafi – bukan dan tidak.
2. 'bukan' berfungsi menafikan frasa nama (FN) dan frasa sendi nama(FS).

Contoh : Ini bukan buku saya.

Sumbangan itu bukan daripada Ali.

3. 'tidak' berfungsi menafikan frasa kerja(FK) dan frasa adjektif (FA).

Contoh: Dia bukan memanggil saya. (salah)

Dia tidak memanggil saya. (betul)

Contoh: Ayah bukan sihat hari ini. (salah)

Ayah tidak sihat hari ini. (betul)

KATA ADJEKTIF

1. Kata Adjektif dapat dikenali apabila BOLEH didahului atau diikuti dengan Kata Penguat

Contoh : amat baik / paling cantik / sungguh tinggi/
 amat pintar sekali / sangat enak sekali/
 teramat pandai / tinggi sekali

2. Kata Adjektif akan menjadi frasa adjektif apabila bertugas sebagai predikat dalam ayat.

Contoh : Baju itu cantik
 (subjek) (predikat)

3. Binaan 'ter' dan 'paling' + kata adjektif TIDAK PERLU diikuti oleh perkataan sekali.

KATA PENGUAT ADJEKTIF

1. Kata Penguat digunakan untuk menguatkan maksud adjektif.

Contoh : terlalu nakal / lambat benar

2. Dua unsur Penguat BOLEH HADIR berturutan sebelum Kata Adjektif.

Contoh : Sungguh amat merdu
 Terlalu amat pedih

3. Apabila Kata Adjektif diimbuhi awalan 'ter", maka Kata Penguat TIDAK DIPERLUKAN lagi.

Contoh; Ali pelajar yang amat/paling/sangat tercerdik.(salah)

Ali pelajar yang tercerdik. (betul)

Ali pelajar yang paling cerdik.

PENJODOH BILANGAN

1. Penjodoh Bilangan TIDAK BOLEH digunakan untuk Kata nama Abstrak.

Contoh:

Jasmin mempunyai sebuah pendapat yang boleh diterima. (salah)

Jasmin mempunyai pendapat yang boleh diterima. (betul)

2. Penjodoh Bilangan TIDAK BOLEH digunakan bagi Kata Bilangan Tertentu seperti - setiap, segala, sesetengah, sebahagian dan para.

Contoh:

Setiap orang pelajar mesti hadir pada hari terbuka sekolah. (salah)

Setiap pelajar mesti hadir pada hari terbuka sekolah. (betul)

KATA TANYA

1. Apa dan Siapa

Kata Tanya 'apa' hanya boleh digunakan untuk menanyakan nama benda atau binatang sahaja.

Kata tanya 'siapa' hanya boleh digunakan untuk menanyakan nama manusia.

2. Kata tanya 'apa' TIDAK BOLEH digunakan dalam Ayat Penyata.

KATA BILANGAN

- **KATA BILANGAN**

- Kata bilangan tak tentu setengah-setengah, kata bilangan pisahan tiap-tiap, dan kata himpunan kedua-dua dan sebagainya tidak boleh dipisahkan.

- Contoh:

Setengah orang tidak suka akan durian.(salah)

Setengah-setengah/ sesetengah orang tidak suka akan durian. (betul)

Tiap pelajar harus berdisiplin. (salah)

Tiap-tiap pelajar harus berdisiplin. (betul)

Kedua orang itu anggota polis. (salah)

Kedua-dua orang itu anggota polis.(betul)

Berbagai usaha telah dilakukan. (salah)

Berbagai-bagai usaha telah dilakukannya. (betul)

- Kata bilangan tak tentu, para pula tidak boleh diulang menjadi para-para.

- Contoh:

Para-para peserta sedang berbaris. (salah)

Para peserta sedang berbaris. (betul)

- Kata bilangan tentu seperti satu, dua ,tiga dan seterusnya tidak boleh didekatkan sekali gus dengan kata bilangan pecahan.

- Contoh:

Sudah satu suku jam dia menunggu.(salah)

Sudah satu jam suku dia menunggu. (betul)

Harganya tiga setengah ringgit. (salah)

Harganya tiga ringgit setengah. (betul)